

17/08/2004

Nilai titisan air mata anak merdeka

By Isa Nikmat

KATA seorang rakan, biar berapa banyak orang melaungkan "Merdeka!", sejarah nostalgia dan gah masih pada laungan suara Baba Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman di Dataran Pahlawan, Melaka.

Pada saat itu, entah berapa ramai warga Tanah Melayu yang menitiskan air mata kerana terharu mendengar dan menyaksikan kejayaan perjuangan kemerdekaan rakyat di bawah pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar itu.

Apa bezanya air mata seorang anak kehilangan ibu atau genangan di kelopak mata bapa menghadapi kematian atau kesengsaraan anaknya? Tidak kurang juga insan yang terkejut apabila kesedihan terluah dari matanya pada saat mendengar pemergian rakan yang disangka sangat dibencinya.

Selepas sekian lama meniti kehidupan, ramai juga manusia menginsafi keterlanjuran silamnya. Kekasaran terhadap anak isteri, keingkaran kepada suami atau keabaian anak akan nasihat bapanya boleh saja membibitkan titisan air mata yang bermakna ketika kesadaran mengetuk fikir.

Pintu hati boleh saja tercuai oleh fikiran ketika menginsafi kelalaian yang sekian lama menjadi amalan diri. Apa lagi usia semakin menuju senja. Perasaan semakin sensitif dan banyak perkara yang mencetus keharuan.

Selepas 47 tahun merdeka, kita juga menyaksikan pemimpin menahan sebak dan air mata di depan kamera. Ada yang sedih saat mendengar keputusan pilihan raya, ada yang terharu oleh kemenangan dan kekecewaan.

Ada juga pesakit jantung yang menangis insaf kerana diberi petunjuk selepas masuk Institut Jantung Negara (IJN). Pencetus penubuhan IJN yang setanding institusi antarabangsa itu adalah orang yang dicaci selama ini. Kecil sekali dunia dan diri seorang hamba.

Ramai juga anak Malaysia yang menitiskan air mata di gelanggang badminton, boling dan ketika menjulang piala kemenangan kejohanan bola sepak atau dikalung pingat olahraga.

Dalam promosi semangat anak merdeka di televisyen, atlit boling negara, Shalin Zulkifli berkata hatinya begitu tersentuh dan berbangga setiap kali lagu Negaraku didendangkan pada pentas dunia apabila dia dan rakan sepasukan menang sesuatu kejohanan.

Bayangkan kita seperti juga atlit negara kita lain yang kini berentap di Sukan Olimpik XXVIII, Athens. Mereka adalah anak merdeka yang sudah ditransformasi menjadi wira negara untuk bertarung di gelanggang sukan.

Bukan mereka menempa nama sendiri, sebaliknya Malaysia. Demikian juga Lim Keng Liat yang mara ke separuh akhir acara renang 100 meter kuak lentang, walaupun gagal ke final.

Debarannya pernah dilalui oleh Shalin, Misbun Sidek, Jalani, Razif, Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Nurulhuda Abdullah dan ramai lagi. Ada kalanya tanpa sedar air mata mereka mungkin menitis di pipi.

Jelasnya air mata itu adalah nilai jiwa seorang atlit yang berhati kental dan waja berjuang untuk negara. Jika sukar menyelami atlit Malaysia, cuba pula selami rasa juara judo dari Jepun, Ryoko Tani. Wanita berusia 28 tahun ini sudah banyak kali memenangi kategori 48 kg sejak 1991.

Bukan kecil pengorbanannya, malah dia berlatih tiga jam sehari sejak berusia lapan tahun.

Rasakan pula hati kecil Tun Dr Mahathir Mohamad ketika melihat kejayaan arkitek dan jurutera Malaysia menghasilkan Putrajaya. Selami pula perasaan negarawan itu ketika memberitahu kekecewaan besarnya selepas 22 tahun

menerajui Malaysia adalah kegagalan mengubah fikiran dan budaya anak bangsa.

Air mata anak merdeka yang menitis di gelanggang sukan, di Kutub Utara, Selat Inggeris, puncak Everest, di khemah pelarian Afghanistan atau Iran dan Sudan bukan dapat dinilai dengan wang ringgit. Bolehkah seluruh warga Malaysia atau syarikat korporat membayarnya dengan berjuta-juta ringgit.

Ketika jam berdetik menghitung saat akhir menyambut ulang tahun kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos ini, apakah nilai air mata kita?

Semua air mata itu mempunyai jiwa yang tidak dapat diletak sebarang harga kerana mereka tidak menjual kemerdekaan dan perjuangan mereka untuk keuntungan. Dalamnya penuh kasih dan setia anak watan.

Namun, harga air mata pengundi Akademi Fantasia 2 sepanjang 10 minggu dapat dizahirkan kepada RM7.6 juta, termasuk RM2 juta pada dua malam menjelang konsert akhirnya, Sabtu lalu.

Malah, peserta yang diundi semula menjadi satu daripada sumber utama keuntungan rakan kongsi perniagaan khidmat pesanan ringkas (SMS). Semua skrip, permainan emosi, persembahan, modul akademi, sorakan penyokong dan pembabitan artis impian, penuh terancang.

Tidak lama lagi, hati yang tersentak oleh semua jutaan keuntungan akan diredakan pengumuman pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bakal menerima sumbangan kebajikan dan pelajar seni menikmati biasiswa pengajian.

(END)